

No. 771.**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971****PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN****STATUT JAWATANKUASA ADUAN PELAJAR 2024**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin [P.U. (A) 456/2010], Canselor membuat statut yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Statut ini bolehlah dinamakan Statut Jawatankuasa Aduan Pelajar 2024.
(2) Statut ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024.

Tafsiran

2. Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Aduan Pelajar;

“Lembaga” ertinya Lembaga Pengarah Universiti;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Sultan Zainal Abidin; dan

“Universiti” ertinya Universiti Sultan Zainal Abidin.

Keahlian Jawatankuasa

3. (1) Jawatankuasa mengikut Seksyen 28A(1) Perlembagaan hendaklah terdiri daripada—
 - (a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi Pengerusi;
 - (b) dua orang ahli yang dipilih oleh Majlis Perwakilan Pelajar;
 - (c) dua orang ahli yang dipilih oleh Persatuan Siswazah atau Alumni Universiti; dan

(d) dua orang pegawai Universiti yang dilantik oleh Lembaga selepas mengambil kira dengan sewajarnya kepentingan untuk menjamin suatu Jawatankuasa Aduan Pelajar yang mendapat keyakinan pelajar.

(2) Pengerusi Jawatankuasa hendaklah melantik mana-mana pekerja Universiti menjadi Setiausaha Jawatankuasa.

Fungsi dan kuasa Jawatankuasa

4. (1) Jawatankuasa hendaklah menerima dan menyiasat aduan, dan memaklumkan hasil siasatan kepada pihak berkuasa yang berkaitan untuk tindakan susulan.

(2) Jawatankuasa hendaklah memantau tindakan susulan oleh pihak berkuasa berkaitan.

(3) Jawatankuasa hendaklah memaklumkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti hasil siasatan Jawatankuasa.

(4) Jawatankuasa hendaklah memaklumkan kepada pengadu hasil siasatan dan keputusan yang dibuat oleh Universiti.

(5) Jawatankuasa hendaklah mempunyai apa-apa kuasa untuk menjalankan siasatan ke atas apa-apa aduan yang dibuat oleh pelajar termasuklah—

(a) aduan berkenaan salah laku pekerja Universiti terhadap pelajar;

(b) aduan berkenaan dengan salah laku pelajar terhadap pekerja Universiti atau mana-mana orang; dan

(c) aduan berkenaan salah guna kuasa, penyelewengan, salah tadbir dan seumpamanya dalam pentadbiran Universiti.

(6) Semua aduan dalam perenggan 4(5)(a) hingga (c) boleh disiasat kecuali—

(a) hal-hal berkaitan dengan bidang kuasa pihak berkuasa lain;

(b) masalah peribadi termasuklah masalah keluarga;

(c) hal-hal berkaitan dasar-dasar Universiti dan Kerajaan yang telah ditetapkan;

(d) hal-hal berkaitan tuntutan sivil oleh atau terhadap mana-mana orang;

(e) hal-hal berkaitan penilaian terhadap pencapaian akademik pelajar;

(f) hal-hal yang berkaitan dengan perkauman, agama dan perkara-perkara sensitif yang lain; dan

(g) aduan yang tidak mempunyai fakta berasas dan sumber yang diragui.

Tatacara Aduan

5. (1) Aduan hendaklah dibuat secara bertulis atau mengikut kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Aduan hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan atau bukti (jika berkenaan).
- (3) Aduan adalah sulit dan hendaklah dirahsiakan.
- (4) Selain daripada aduan yang dikecualikan di bawah perenggan 4(6), Jawatankuasa hendaklah membuka kertas siasatan.

Tatacara Siasatan

6. (1) Dalam membuat siasatan Jawatankuasa boleh memanggil—
 - (a) pengadu;
 - (b) orang yang kena adu;
 - (c) orang yang mempunyai maklumat atau pengetahuan mengenai aduan tersebut; atau
 - (d) orang yang boleh membantu siasatan.
- (2) Jawatankuasa juga boleh meminta daripada mana-mana pihak yang berkenaan di Universiti apa-apa dokumen, bahan atau artikel lain dalam apa jua bentuk yang boleh membantu dalam siasatan.
- (3) Jawatankuasa hendaklah menimbang dan membuat laporan berdasarkan semua fakta, bukti, dan keterangan yang dikemukakan di hadapannya.
- (4) Semua dapatan yang dibuat oleh Jawatankuasa hendaklah disalurkan kepada pihak berkuasa atau mana-mana pihak berkenaan untuk tindakan susulan.

Mesyuarat Jawatankuasa

7. (1) Jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuarat pada tarikh, tempat dan masa yang ditetapkan oleh Pengerusi dan mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Setiausaha Jawatankuasa.
- (2) Agenda mesyuarat Jawatankuasa hendaklah ditentukan oleh Pengerusi.
- (3) Kuorum mesyuarat adalah Pengerusi dan empat ahli.

- (4) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang dari dalam atau luar Universiti yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang bersesuaian, untuk menghadiri mesyuarat bagi maksud memberi pandangan kepada Jawatankuasa tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.
- (5) Jawatankuasa boleh menentukan tatacara mesyuaratnya sendiri.

Kuasa untuk mewakilkan

8. Seseorang pegawai atau sesuatu pihak berkuasa yang diberikan kuasa untuk menjalankan apa-apa kuasa atau melaksanakan apa-apa kewajipan dalam Statut ini boleh, dengan surat cara bertulis mewakilkan kuasa atau kewajipan itu supaya dijalankan oleh mana-mana pihak berkuasa atau jawatankuasa atau mana-mana orang yang dinyatakan dalam surat cara itu mengikut nama atau jawatannya.

Kesahan perbuatan Jawatankuasa yang menjalankan tugas berkenaan sebelum kuat kuasa Statut

9. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Jawatankuasa atau pegawai yang menjalankan tugas yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 4 November 2023

K.D.Y.M.M. SULTANAH NUR ZAHIRAH
Canselor
Universiti Sultan Zainal Abidin

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

STUDENTS' COMPLAINTS COMMITTEE STATUTE 2024

In exercise of the powers conferred by section 35(1) of the Constitution of Universiti Sultan Zainal Abidin [P.U. (A) 456/2010], the Chancellor makes the following statute:

Citation and commencement

1. (1) This Statute may be cited as the Students' Complaints Committee Statute 2024
- (2) This Statute is deemed to have come into operation on 1 January 2024.

Interpretation

2. In this Statute, unless the context otherwise requires—

“Committee” means the Students’ Complaints Committee;

“Board” means the Board of Directors of the University; and

“Constitution” means the Constitution of Universiti Sultan Zainal Abidin.

Membership of Committee

3. (1) The Committee as prescribed in Section 28A(1) of the Constitution shall consist of—

(a) the Vice-Chancellor, who shall be the Chairperson;

(b) two members elected from and by the Students’ Representative Council;

(c) two members elected from and by the Guild of Graduates or the Alumni of the University; and

(d) two officers of the University appointed by the Board after due regards to the importance of a securing a Students’ Complaints Committee which enjoys student confidence.

(2) The Chairperson of the Committee shall appoint any employee of the University to be the Secretary of the Committee.

Functions and powers of the Committee

4. (1) The Committee shall accept and investigate the complaint, and inform the findings of investigation to the relevant authority for further action.

(2) The Committee shall monitor the progress of the action taken by the relevant authority.

(3) The Committee shall inform the Management Committee of the University of the findings of the investigation.

(4) The Committee shall inform the complainant of the findings of investigation and the final decision by the University.

(5) The Committee shall have such powers to conduct any investigations of any complaint made by a student which include—

(a) complaints of misconduct of employee of the University against student;

(b) complaints of misconduct of student against employee of the University or any person;

(c) complaints of abuse of power, distortion, mismanagement and the likes of them in the administration of the University.

- (6) All complaints under paragraph 4(5)(a) to (c) may be investigated except—
- (a) all matters pertaining to the jurisdiction of other authorities;
 - (b) personal matters including family problem;
 - (c) matters pertaining to the policies of the University and the Government which has been determined;
 - (d) matters pertaining to civil claim by or against any person;
 - (e) matters pertaining to assessment for students' academic achievement;
 - (f) matters relating to racism, religion and other sensitive issues; and
 - (g) complaint without any factual basis and dubious source.

Complaint Procedures

5. (1) The complaints shall be made in writing or in accordance with the rules prescribed by the University.
- (2) The complaints shall be attached with supporting document or proof (if any).
- (3) The complaints are confidential and shall not be disclosed.
- (4) With the exception of the complaints under paragraph 4(6), the Committee shall open an investigation paper.

Investigation Procedures

6. (1) In conducting such investigation, the Committee may call upon—
- (a) complainant;
 - (b) complainee;
 - (c) person having the information and knowledge about the complaint; or
 - (d) person who may assist the investigation.
- (2) The Committee shall also seek from any related party in the University any documents, materials or other articles in whatever form which may assist in the investigation.
- (3) The Committee shall consider and make a report in accordance with all facts, proofs and evidence submitted before the Committee.
- (4) All findings made by the Committee shall be provided to the authority or any related party for further action.

Committee Meetings

7. (1) The Committee shall hold meetings at such dates, venues and times prescribed by the Chairman and the meetings shall be called by the Committee Secretary.

(2) Meeting agenda of the Committee shall be determined by the Chairman.

(3) The quorum of a meeting is the Chairman and four members.

(4) The Committee may invite any person inside or outside of the University having relevant expertise and experiences to attend a meeting for the purpose of giving their views to the Committee regarding any matters being discussed, but that person shall not be entitled to cast a vote during the meeting.

(5) The Committee may determine its own meeting procedure.

Powers of delegation

8. Any officer or authority who is empowered to exercise any power of perform any duty under this Statute may, by instrument in writing, delegate the exercise of such powers or the performance of such duties to any authority or to any committee or to any person described therein by name or office.

Validity of acts and omissions of the Committee performing the function before the enforcement of the Statute

9. No acts or omissions by the Committee which exercises the duty in question before the coming into operation of this Statute shall be invalid on the ground that this Statute has not come into operation.

Made 4 November 2023

K.D.Y.M.M. SULTANAH NUR ZAHIRAH

Chancellor

Universiti Sultan Zainal Abidin

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
WJW23/1220